

## **BAB 2: PENGENALAN KULIAH PENGAJIAN AL-QUR’AN**

### **2.0 Pendahuluan**

*Kuliah Pengajian al-Qur'an* merupakan sebuah karya yang mengandungi pelbagai mutiara ilmu yang penting dalam bidang pengajian al-Qur'an. Nik Muhammad Salleh Wan Musa telah memperlihatkan kepakaran beliau mentafsirkan al-Qur'an dan keupayaan beliau memahami sesuatu permasalahan penting yang telah disebut di dalam al-Qur'an.

### **2.1 Aktiviti Pengajaran Nik Muhammad Salleh Wan Musa dan Kelahiran Kuliah Pengajian al-Qur'an**

Usaha Nik Muhammad Salleh Wan Musa untuk meyebarkan ilmu yang diperolehinya dengan orang ramai tidak pernah berhenti walaupun diasak dengan pelbagai cabaran. Setelah tidak berkhidmat di Sekolah Islah kerana ideanya yang mahu menerapkan sistem pengajian berasaskan *tariq Shāh Wali Allah al-Dihlawī* tidak diterima, beliau mengajar pula di surau ayahnya yang terletak di belakang rumahnya. Bagaimanapun pada tahun 1968, setelah surau tersebut dirobohkan untuk digantikan dengan surau baru menggunakan wang bantuan Majlis Ugama, tempat pengajarannya berpindah pula ke rumah.<sup>1</sup>

*Kuliah Pengajian al-Qur'an* dimulakan pada tahun 3 April 1970 dan berakhir pada tahun 22 Oktober 1971. Kuliah ini adalah terbuka kepada mereka yang berminat untuk mempelajari falsafah al-Qur'an. Kuliah ini diadakan pada setiap pagi hari Jumaat di rumah beliau yang beralamat di 1612, Jalan Merbau, Kota Bharu, Kelantan. Tujuan utama Nik Muhammad Salleh Wan Musa mengadakan kuliah ini adalah untuk mendidik pemuda-

<sup>1</sup> Nik Muhammad Salleh Wan Musa dan S. Othman Kelantan (1974), “Theological Debates: Wan Musa b Haji Samad and His Family”, dalam William Roff (ed.), *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 167.

pemudi supaya mereka mengenal erti keadilan, sepetimana yang tercatat di dalam *Muqaddimah Ta'wil al-Qur'an*:

Oleh kerana ilmiah al-Qur'an bagaimana yang tersebut di atas ini, sangatlah penting diperkembangkan istimewa pula untuk mendidik pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi kita yang berhidup di abad manusia berkebendaan ini supaya mereka kenal harga keadilan, kasih sayang kepada sesama manusia dan sanggup mengabdikan diri kepada kebenaran, maka pada awal tahun 1970, saya telah tubuhkan kelas yang diberi nama *Kuliah Pengajian Al-Qur'an*.<sup>2</sup>

Selain itu, Nik Muhammad Salleh juga berharap agar para pembaca dan pelajar akan menjadikan kitab *Kuliah Pengajian al-Qur'an* ini sebagai panduan untuk lebih memahami isi kandungan al-Qur'an seperti yang tercatat dalam risalah bilangan 36 *Kuliah Pengajian al-Qur'an*. Beliau menulis seperti berikut:

Setakat inilah sahaja beberapa masalah penting yang berhubung dengan al-Qur'an, telah saya terangkan di dalam muqaddimah *Kursus Tilawah al-Qur'an* ini maka diharapkan kepada tiap-tiap saudara dan saudari yang gemar hendak memahami erti al-Qur'an dan falsafahnya, untuk dijadikan panduan dan tunjukkan di dalam usaha mencari kebenaran, baikpun di dalam urusan secara berfikir, atau cara mentadbir, hendaklah dibaca dari mula hingga ke akhirnya beberapa kali, dan tatapkanlah tujuan-tujuan dan maksud-maksud yang terkandung dan terselit di dalam huraian-huraian dan ibadat-ibadat yang telah saya terangkan itu mudah-mudahan Allah mencerahkan mata hati saudara-saudara dan saudari-saudari, untuk mengenal kitabNya yang Maha Suci lagi Maha Tinggi *mawdū'*nya itu, dan sekarang marilah kita masuk mempelajari makna-makna dan falsafah-falsafah yang terkandung di dalam tiap-tiap ayat al-Qur'an, di dalam tiap-tiap tutur kata ibarat yang diturunkan oleh Tuhan kepada NabiNya Sayyidina Muhammad SAW bagaimana yang tersebut di dalam ayat-ayat itu mudah-mudahan kita dapat melayakkan diri menjadi golongan muttaqin yang direhái oleh Allah serta para nabi-nabi, *siddiqīn*, *shuhadā*, dan *sāliḥīn* sekalian.<sup>3</sup>

---

<sup>2</sup> Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *Muqaddimah Ta'wil al-Qur'an*. t.p: t.t.p, h. ii.

<sup>3</sup> Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *Kuliah Pengajian al-Qur'an, edisi rumi*, bil. 36. t.p: t.t.p., h. 168.

Menurut Nik Hassan Nik Abdullah, kitab ini ditulis oleh Nik Muhammad Salleh Wan Musa dengan tujuan untuk mendedahkan prinsip-prinsip penting dalam memahami al-Qur'an dan juga masalah-masalah penting berhubung dengan al-Qur'an.<sup>4</sup>

Selain daripada mengajar *Kuliah Pengajian Al-Qur'an* ini, beliau turut mengajar tafsir di rumahnya pada hari yang berlainan. Pengajaran tafsir itu adalah berdasarkan pembelajaran beliau dengan Maulana Ubaidillah al-Sindi.<sup>5</sup> Tafsir yang ditulis dalam bahasa Arab itu masih lagi berbentuk manuskrip dan disimpan oleh anak muridnya iaitu Zainuddin Idris.<sup>6</sup> Selain itu, beliau mengharapkan kaedah-kaedah yang diajarkan di dalam *Kuliah Pengajian al-Qur'an* ini akan dijadikan panduan oleh para pembaca jika mendapatkan tafsiran yang dilakukannya berlainan daripada tafsiran yang dibuat oleh jumhur ulama. Beliau menulis seperti berikut di dalam risalah terakhir iaitu risalah 47 *Kuliah Pengajian al-Qur'an*:

Sekianlah dahulu saya menerangkan beberapa perkara yang perlu di dalam muqaddimah kursus ini yang diharapkan pada mereka-mereka yang dapat memahami kaedah-kaedah yang telah saya bentangkan di dalam muqaddimah ini mereka tidak akan terasa musykil lagi jika didapati kelak di dalam huraian-huraian saya di bawah ayat sesuatu yang dipandang berlainan dengan jumhur kerana tiap-tiap tafsir, terjemah, *ta'wil* dan *tawjih* yang akan saya gunakan itu dan saya akan berpandu kepada kaedah-kaedah yang telah saya huraikan di dalam muqaddimah ini.<sup>7</sup>

Daripada kenyataan di atas, dapatlah difahami bahawa untuk memahami tafsiran yang dibuat oleh beliau, para pembaca perlu merujuk kepada *Kuliah Pengajian Al-Qur'an* ini terlebih dahulu.

<sup>4</sup> Nik Hassan Nik Abdullah, anak murid Nik Muhammad Salleh Wan Musa. Temubual pada 17 Oktober 2008 di rumah beliau beralamat 968, Kampung Tok Betek, Kota Bharu, Kelantan.

<sup>5</sup> *Ibid.*

<sup>6</sup> *Ibid.*

<sup>7</sup> Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *Kuliah Pengajian al-Qur'an, edisi Jawi, bil. 47.* t.p: t.t.p, h. 183.

*Kuliah Pengajian al-Qur'an* ini mengandungi 47 buah risalah. Nik Muhammad Salleh Wan Musa akan mengajar satu risalah daripada *Kuliah Pengajian al-Qur'an* untuk satu minggu. Sekiranya beliau tidak dapat menghabiskannya, beliau akan menyambung pengajaran tersebut ke minggu seterusnya. Menurut Nik Hassan Nik Abdullah, beliau akan mengadakan *Kuliah Pengajian al-Qur'an* seminggu sekali, tetapi jika terdapat sebarang keuzuran beliau akan menangguhkan kelas tersebut ke minggu seterusnya.<sup>8</sup>

*Kuliah Pengajian al-Qur'an* ini mendapat sambutan hangat daripada masyarakat pada waktu itu. Menurut isteri beliau setiap kali hari Jumaat, rumahnya akan dipenuhi dengan para pelajar sehingga mendorong beliau memasang khemah di halaman rumah bagi menyediakan tempat untuk mereka yang tidak sempat mengambil tempat di atas rumah.<sup>9</sup>

Gaya penyampaian Nik Muhammad Salleh Wan Musa yang pandai mengambil hati telah menyebabkan para pelajar tidak berganjak dari tempat duduk ketika beliau mengajar. Beliau juga akan menjawab setiap pertanyaan yang dikemukakan oleh anak murid dalam sejam pertama kuliah. Sekiranya terdapat isu dan fitnah yang dilemparkan terhadapnya, beliau kadang-kadang menjawab isu tersebut di dalam kuliah ini. Ketika mengajar, beliau menyelitkan jenaka yang menyebabkan para pelajarnya tidak mengantuk dan terus mendengar kuliah yang disampaikan.<sup>10</sup>

---

<sup>8</sup> Nik Hassan Nik Abdullah, *op.cit.*

<sup>9</sup> Tengku Rabiatul Adawiyah Tengku Zainal Abidin, isteri Nik Muhammad Salleh Wan Musa. Temubual pada 17 Oktober 2008 di rumah beliau beralamat 1612, Jalan Merbau, Kota Bharu, Kelantan.

<sup>10</sup> Nik Hassan Nik Abdullah, *op.cit.*

## **2.2 Penulisan *Kuliah Pengajian al-Qur'an***

Nik Muhammad Salleh Wan Musa telah menyediakan kuliah ini dalam tulisan Jawi dan rumi bagi setiap edisi.<sup>11</sup> Ini merupakan suatu kelebihan yang jarang didapati pada mana-mana karya pada waktu itu. Beliau tidak menulisnya sendiri, tetapi menggunakan kaedah *imlā'* untuk menyiapkannya. Beliau memperdengarkan bacaannya kepada jurutulis yang terdiri daripada para pelajar untuk dicatatkan.<sup>12</sup> Bagi edisi rumi, semuanya adalah bertaip rapi, bagaimanapun bagi edisi Jawi pula, didapati sebahagiannya bertaip kemas, manakala sebahagian lagi ditulis dengan tulisan tangan. Beliau tidak menyiapkannya sekaligus tetapi proses penulisannya adalah secara beransur-ansur.<sup>13</sup>

## **2.3 Penyebaran *Kuliah Pengajian al-Qur'an***

Setiap naskhah itu akan dijual kepada para pelajar yang mahu mempelajari *Kuliah Pengajian al-Qur'an* ini untuk menampung kos percetakannya. Selain itu, beliau juga turut menghantar setiap naskhah ini kepada perpustakaan-perpustakaan yang ada pada masa itu.<sup>14</sup> Naskhah ini juga telah mendapat sambutan hangat dari pembaca-pembaca di seluruh Malaysia, Universiti Aligarh di India, Nadwah al-Ulama Lucknow di India, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Majlis Kajian Asia di New York, dan badan-badan tadbir agama yang berkanun.<sup>15</sup> Selain itu, ia turut tersebar ke Selatan Thai dan Brunei.<sup>16</sup>

---

<sup>11</sup> Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, h. iii.

<sup>12</sup> Nik Hassan Nik Abdullah, *op.cit.*

<sup>13</sup> Zainuddin Idris, anak murid Nik Muhammad Salleh Wan Musa. Temubual pada 11 Oktober 2008 di rumahnya beralamat Lot 1356-A, Jalan Pantai Cahaya Bulan, Lorong Sekolah Kebangsaan Kampung Buluh, Kampung Pauh Badang, Kota Bharu.

<sup>14</sup> Nik Hassan Nik Abdullah, *op.cit.*

<sup>15</sup> Nik Muhammad Salleh Wan Musa ( t.t), *op.cit.*, h. iii.

<sup>16</sup> Nik Muhammad Salleh Wan Musa dan S. Othman Kelantan (1974), *op.cit.*, h. 169.

Naskhah ini turut menerima permintaan dari India, Mesir, Singapura dan lain-lain lagi walaupun telah kehabisan stok. Hal ini telah mendorong Nik Muhammad Salleh Wan Musa menghasilkan *Muqaddimah Ta'wil al-Qur'an*.<sup>17</sup>

### 2.3.1 *Muqaddimah Ta'wil al-Qur'an*

*Muqaddimah Ta'wil al-Qur'an* merupakan kitab yang dihasilkan setelah *Kuliah Pengajian al-Qur'an* terus mendapat permintaan sekalipun ia telah kehabisan stok dalam simpanan Nik Muhammad Salleh Wan Musa. Jadi untuk memenuhi permintaan tersebut, beliau menghasilkan *Muqaddimah Ta'wil al-Qur'an* yang merupakan kitab berjilid, dan bukannya dalam bentuk naskhah yang mempunyai banyak risalah seperti *Kuliah Pengajian al-Qur'an*. Ia dijual dengan harga RM 2.50 dan dikeluarkan oleh Kuliah Pengajian al-Qur'an, Kota Bharu Kelantan seperti yang tercatat di kulit kitab ini. Kitab ini mengandungi 64 muka surat dan membincangkan isu-isu yang hampir sama dengan *Kuliah Pengajian al-Qur'an*.

Berikut merupakan isi kandungan *Muqaddimah Ta'wil al-Qur'an*:

Jadual 2.1: Isi kandungan *Muqaddimah Ta'wil al-Qur'an*

Bil	Tajuk
1	Pendahuluan kursus menyatakan tujuan diturunkan al-Qur'an
2	Hidup manusia berkehendakkan tunjukkan Nabi
3	Golongan-golongan mereka yang termasuk dalam jenis gelaran Nabi
4	Menyatakan pendapat seorang hakim (ahli falsafah) menjadi dalil kebenaran kemudian daripada al-Qur'an dan sunnah Nabi

<sup>17</sup> Nik Muhammad Salleh Wan Musa ( t.t ), *op.cit.*, h. iii.

Jadual 2.1, sambungan

5	Keterangan al-Qur'an: tidak ada umat dalam dunia yang tidak mempunyai Nabi dari bangsa mereka, dan kitab suci
6	Teori Ibn Khaldun dalam <i>al-Muqaddimah</i> tentang <i>nubuwwah</i> bertentangan dengan pendapat ulama Islam dan al-Qur'an
7	Huraian tentang kesilapan Ibn Khaldun dalam <i>al-Muqaddimah</i> dan jawabnya
8	Menerangkan tujuan dibangkit Nabi Muhammad SAW dan asas pengajaran al-Qur'an
9	Menerangkan Nabi Muhammad SAW mula-mula mengajak bangsa-bangsa supaya bersatu mendirikan keadilan dan mewujudkan keamanan
10	Cara Nabi Muhammad SAW menjalankan dakwah Islam
11	Menyatakan bentuk perikatan dan persaudaraan Islam mengikut ajaran al-Qur'an
12	Menyatakan erti Islam dalam al-Qur'an
13	Menyatakan akidah Nabi Isa AS akan turun balik ke dunia hampir kiamat kelak ialah warisan politik umat Nasrani
14	Menyatakan pendapat ulama Islam berkenaan hadith Bukhari yang menyebut Nabi Isa AS akan turun ke dunia
15	Menyatakan akidah kedatangan Imam Mahdi pada akhir dunia warisan dari politik kaum Shi'ah dan tolakan Imam A'zam al-Shāfi'ī tentang kesilapan itu
16	Sebenarkah sebaran agama Islam tidak mengandungi kekerasan?
17	Menerangkan tabligh Nabi SAW terbahagi dua jenis: i) Jenis hidayah (tunjukan) tidak mengandungi kekerasan

Jadual 2.1, sambungan

18	Menerangkan tabligh Nabi SAW dengan yang kedua: ii) Jenis <i>dīn al-haqq</i> (keadilan tulen)  Bahagian ini mengandungi paksaan
19	Menyatakan musuh Islam menggunakan ayat 256 surah <i>al-Baqarah</i> sebagai perisai untuk melindung diri dari terkena hukuman hudud dalam negara Islam
20	Al-Qur'an datang menyatakan falsafah hidup ahli-ahli <i>millah</i> di dalam syariat Hanīfiah
21	Bagaimakah al-Qur'an datang menghapuskan semangat lebai (Kesamian dalam masyarakat)
22	Islam menggalakkan orang beriman hidup dengan berjuang bagi menegakkan kebenaran dalam masyarakat
23	Jihad digalakkan oleh al-Qur'an bagi menanam semangat ihsan (kasih sayang kepada umat Islam)
24	Menerangkan hal Arab Quraisy di waktu semangat jihad masih hidup di dalam masyarakat mereka
25	Menyatakan kitab-kitab suci yang di tangan umat-umat dunia sekarang masih ada ajaran ihsan menerusi jihad
26	Jenis pengetahuan yang diwahyu kepada Nabi
27	Menerangkan kesilapan ulama Islam sekarang tentang mengatakan Apollo ke bulan ada tersebut di dalam al-Qur'an
28	Menyatakan seruan Nabi-nabi yang diutus dari Allah itu tidak menyentuh sesuatu yang menjadi warisan bagi satu-satu bangsa dan tidak juga menukar keperibadian bagi bangsa itu, tetapi diperbaiki sahaja

### Jadual 2.1, sambungan

29	Kewajipan Nabi-nabi ialah memimpin, bukan mencipta
30	Ringkasan pesanan Tuhan dalam ayat 77 surah <i>al-Qasas</i> , mengandungi jalan hidup berhikmat

*Muqaddimah Ta’wil al-Qur'an* ini bagaimanapun tidak mengandungi semua tajuk-tajuk yang dibincangkan di dalam *Kuliah Pengajian al-Qur'an*. Huraianya juga agak ringkas berbanding dengan huraian yang dikemukakan dalam *Kuliah Pengajian al-Qur'an*.

#### 2.4 Pelajar-pelajar *Kuliah Pengajian al-Qur'an*

Kini *Kuliah Pengajian al-Qur'an* masih lagi dirujuk oleh para pelajar Nik Muhammad Salleh Wan Musa yang pernah menadah kitab dengannya. Para pelajar yang dimaksudkan adalah seperti Lukman bin Latiff, Zainuddin bin Idris, Nik Abdul Aziz bin Nik Hassan, Nik Hassan bin Nik Abdullah, Alwi bin Noordin dan sebagainya. Mereka telah menujuhkan sebuah persatuan iaitu Pertubuhan Pengajian Islam Negeri Kelantan (PPINK) setelah cubaan Nik Muhammad Salleh Wan Musa untuk mendaftarkan Pertubuhan Jemaah Milliyah Islamiyyah Malaysia ditolak oleh Pendaftar Pertubuhan.<sup>18</sup>

Sekarang, mereka giat mengadakan kelas-kelas pengajaran berdasarkan bahan-bahan pengajaran Nik Muhammad Salleh Wan Musa di sebuah surau yang terletak di Kampung Binjai, Badang, Jalan Pantai Cahaya Bulan. Sebelum berpindah ke surau tersebut, mereka terlebih dahulu melaksanakan kuliah-kuliah agama ini di Surau Wan Musa, bagaimanapun setelah menyedari kehadiran mereka tidak diterima oleh penduduk

<sup>18</sup> Nik Hassan Nik Abdullah, *op.cit.*

tempatan, mereka mengubah tempat operasinya ke Kampung Binjai.<sup>19</sup> Malah mereka juga mara setapak lagi dengan menghasilkan penerbitan yang berkaitan dengan pengajian al-Qur'an dan tafsir. Berikut merupakan beberapa orang pelajarnya yang setia mendengar *Kuliah Pengajian al-Qur'an*:

i) **Zainuddin bin Idris**

Beliau telah dilahirkan pada 14 Julai 1937 di Kubang Kerian.<sup>20</sup> Pendidikan awalnya bermula pada tahun 1943 hingga tahun 1948 di Sekolah Melayu Kubang Kerian. Kemudian beliau mempelajari ilmu-ilmu alat seperti nahu, *saraf* dan sebagainya dengan Tuan Guru Haji Ahmad selama lima tahun di Pondok Tok Kenali Kubang Kerian. Seterusnya beliau belajar di Pondok Haji Abdul Aziz yang terletak di Pendang, Kedah selama dua tahun. Selepas itu, beliau berguru pula dengan Tuan Guru Haji Abdullah Tahir di Pondok Bunut Payung selama dua tahun. Kemudian beliau kembali semula ke Pondok Kubang Kerian dan mempelajari kitab hadith seperti *Muwaṭṭa'*, *Saḥīḥ Bukhārī*, *Saḥīḥ Muslim*, *Sunan Abī Dāud* dan *Sunan Tirmidhī* hingga tahun 1958. Pada tahun 1959 pula, beliau berguru pula kitab tafsir *al-Nasafī* dan *Jalālayn* dengan Tuan Guru Haji Muhammad Nor bin Ibrahim dan Tuan Guru Ali.<sup>21</sup>

Pada tahun 1966, beliau mula berguru dengan Nik Muhammad Salleh Wan Musa dengan mempelajari kitab Shāh Wali Allah al-Dihlawī seperti *Hujjah Allah al-Bālighah*, *al-Fawz al-Kabīr Fī Uṣūl al-Tafsīr*, *Ta'wīl al-Aḥādīth* serta tafsir al-Qur'an.<sup>22</sup> Minat beliau mula tumbuh untuk mengikuti pengajaran Nik Muhammad Salleh Wan Musa setelah

<sup>19</sup> *Ibid.*

<sup>20</sup> Nik Hassan Nik Abdullah (t.t), *Biodata Penulis Pertama (Ustaz Hj. Zainuddin bin Hj. Idris)*. t.t.p:t.p, h. 1.

<sup>21</sup> *Ibid.*

<sup>22</sup> *Ibid.*

mendengar terlalu ramai orang yang mengutuk ajaran itu.<sup>23</sup> Beliau menyatakan bahawa dapat dikatakan daripada sepuluh orang yang mendengar pengajaran Nik Muhammad Salleh Wan Musa, lapan daripadanya akan mengatakan ilmu tersebut adalah salah. Bagaimanapun, setelah beliau menghadiri sendiri kuliah Nik Muhammad Salleh Wan Musa, didapati ilmu tersebut tidak seperti yang diperkatakan ramai.<sup>24</sup> Beliau tertarik dengan kuliah tersebut dan terus setia menghadirinya sehingga kematian gurunya, Nik Muhammad Salleh Wan Musa.

Setelah kematian Nik Muhammad Salleh Wan Musa, beliau telah mengambil inisiatif mengumpul bekas pelajar gurunya itu untuk menghidupkan semula kuliah mingguan di Surau Wan Musa. Kuliah ini bertujuan menyampaikan pemikiran Shāh Wali Allah al-Dihlawī yang diambil daripada *Hujjah Allah al-Bālighah, Muqaddimah Ta'wīl al-Qur'an al-Hakīm, al-Insāf fi Bayān Sabab al-Ikhtilāf, 'Iqd al-Jid* dan *al-Musawwa*.<sup>25</sup>

Beliau juga telah mengasaskan Pertubuhan Pengajian Islam Negeri Kelantan (PPINK) yang diluluskan pada tahun 1992. Kini, beliau merupakan ahli jawatan kuasa pertubuhan tersebut.<sup>26</sup>

Beliau telah menghasilkan beberapa karya seperti rencana yang bertajuk *Risalah Mengenai Aurat dan Pakaian Lelaki-Wanita*, dan *Isa di dalam Catatan al-Qur'an dan Masalah al-Mahdi*. Beliau juga telah menghasilkan terjemahan beserta huraian bagi

---

<sup>23</sup> Zainuddin Idris, *op.cit.*

<sup>24</sup> *Ibid.*

<sup>25</sup> Nik Hassan Nik Abdullah (t.t), *op.cit.*, h. 1.

<sup>26</sup> *Ibid.*

*Hujjah Allah al-Bālighah, Muwaṭṭā', al-Insāfi Bayān Sabab al-Ikhtilāf, dan 'Iqd al-Jid.*<sup>27</sup>

Beliau turut menghasilkan dan membentangkan kertas kerja bertajuk *Kajian Agama Islam Hendaklah Mengikut Jalan Mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah di Seminar Sehari: Shāh Wali>Allah al-Dihlawī: Sumbangannya terhadap Perkembangan Pemikiran di Nusantara* yang telah berlangsung pada 10 Mei 2003 dan telah dimuatkan juga di dalam buku yang bertajuk *Dimensi Pemikiran Shāh Wali>Allah al-Dihlawī dan Pengaruhnya di Malaysia.*<sup>28</sup>

Beliau juga masih lagi menterjemah, dan menulis semula *Tafsir al-Qur'an al-Hakim* berdasarkan catatan tangan milik Nik Abdullah Wan Musa yang mempelajari tafsir ini daripada Maulana Ubaidillah al-Sindi di Mekah pada tahun 1335 H. Beliau juga giat mengajar ilmu agama di surau Kampung Binjai kepada orang ramai.<sup>29</sup>

### ii) **Nik Hassan bin Nik Abdullah**

Beliau dilahirkan pada 13 Julai 1946 di Kota Bharu. Pendidikan formal peringkat rendah beliau adalah diterima di Sekolah Melayu Abdul Hadi Jalan Pantai Cahaya Bulan pada tahun 1951 hingga 1956, dan pada peringkat menengah pula di Sultan Ismail College dari tahun 1957 hingga 1964 dalam aliran sains tulen dan bahasa Inggeris.<sup>30</sup> Selepas itu, beliau mengikuti kursus perguruan selama dua tahun di Malayan Teacher's College, Pulau Pinang. Kemudian beliau berkhidmat sebagai guru sains selama lima tahun sebelum melanjutkan pelajaran di Universiti Kebangsaan Malaysia dari tahun 1974 hingga 1978. Beliau berjaya memperolehi Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dalam bidang

---

<sup>27</sup> *Ibid.*

<sup>28</sup> Zainuddin Idris (2007), "Kajian Agama Islam Hendaklah Mengikut Jalan Mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah", dalam Abdul Salam Muhamad Shukri(peny.), *Dimensi Pemikiran Shah Wali Allah al-Dihlawi dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

<sup>29</sup> Nik Hassan Nik Abdullah (t.t), *op.cit.*, h. 2.

<sup>30</sup> Nik Hassan Nik Abdullah (t.t), *Biodata Pembantu Penulis (Ustaz Hj. Nik Hassan bin Nik Abdullah)*. t.p:t.p., h. 3.

perancangan dan pembangunan di universiti tersebut. Beliau kemudiannya bertugas sebagai guru matapelajaran ekonomi bagi tingkatan enam di sekolah sehingga bersara pada tahun 2002.<sup>31</sup>

Beliau mula mengikuti kuliah khusus dan umum yang diadakan oleh Nik Muhammad Salleh Wan Musa sejak tahun 1960 sehingga Nik Muhammad Salleh Wan Musa meninggal dunia pada tahun 1971.<sup>32</sup> Kemudian beliau menuntut pula ilmu agama dalam kuliah mingguan yang diadakan oleh Zainuddin Idris.<sup>33</sup> Beliau turut membantu gurunya itu menyediakan nota untuk pengajaran dengan merujuk kepada *Kuliah Pengajian al-Qur'an*. Beliau telah mempelajari kitab *Hujjah Allah al-Bālighah, Muwaṭṭa'*, *Musawwa*, *al-Fawz al-Kabīr fī Uṣūl al-Tafsīr*, *Tafsīr al-Qur'an al-Hakīm*, *al-Budūr al-Bāzighāh*, *'Abaqāt*, *al-Khayr al-Kathīr*, *Satā'at*, dan *Taqwiyāt al-Imān*.<sup>34</sup>

Beliau telah berjaya menghasilkan beberapa karya seperti *Ikhtisar Hujjatullah al-Balighah* jilid satu yang telah diterbitkan oleh Pertubuhan Pengajian Islam Negeri Kelantan pada tahun 2007.<sup>35</sup> Proses menghasilkan ikhtisar ini bermula pada tahun 1981 apabila beliau menulis ikhtisar dari satu bab ke satu bab.<sup>36</sup> Ikhtisar bagi jilid dua juga telah berjaya disiapkan tetapi tidak dapat diterbitkan disebabkan masalah kewangan.<sup>37</sup>

---

<sup>31</sup> *Ibid.*

<sup>32</sup> *Ibid.*

<sup>33</sup> *Ibid.*

<sup>34</sup> *Ibid..*

<sup>35</sup> Nik Hassan Nik Abdullah (2007), *Ikhtisar Hujjatullah al-Balighah Jilid 1*. Kelantan: Pertubuhan Pengajian Islam Negeri Kelantan.

<sup>36</sup> Nik Hassan Nik Abdullah, *op.cit.*

<sup>37</sup> *Ibid.*

Beliau juga telah menulis dan membentangkan satu kertas kerja yang bertajuk *Kebahagiaan, Akhlak dan Hijab Mengikut Falsafah Shāh Wali Allah al-Dihlawī* bersama Alwi bin Noordin. Kertas kerja ini telah dibentangkan di *Seminar Sehari: Shāh Wali Allah al-Dihlawī: Sumbangannya terhadap Perkembangan Pemikiran di Nusantara* yang telah berlangsung pada 10 Mei 2003 dan telah dimuatkan juga di dalam buku yang bertajuk *Dimensi Pemikiran Shāh Wali Allah al-Dihlawī dan Pengaruhnya di Malaysia*.<sup>38</sup> Sekarang masih terdapat beberapa karya beliau yang masih lagi dalam proses untuk diterbitkan.

### iii) S. Othman Kelantan

Nama penuh beliau ialah Syed Othman Syed Omar, beliau dilahirkan pada 13 November 1939 di Kelantan. Beliau telah mendapat Ijazah Sarjana Sastera daripada Universiti Sains Malaysia pada tahun 1983, manakala pada tahun 1995 pula beliau berjaya memperoleh Ijazah Doktor Falsafah daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.<sup>39</sup>

Beliau pernah bertugas sebagai guru dari tahun 1952 hingga 1979, tutor dari tahun 1980 hingga 1983 di Universiti Sains Malaysia, dan pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia dari tahun 1983 hingga 1996. Beliau telah dianugerahkan S.E.A Write Award oleh kerajaan Thailand pada tahun 1990, dan Anugerah Sasterawan Negara kesembilan pada tahun 2003 oleh kerajaan Malaysia.<sup>40</sup> Beliau banyak menerapkan nilai-nilai Islam dalam

---

<sup>38</sup> Alwi Noordin dan Nik Hassan Nik Abdullah (2007), “Kebahagiaan, Akhlak dan Hijab Mengikut Falsafah Shāh Wali Allah al-Dihlawī”, dalam Abdul Salam Muhamad Shukri(peny.), *Dimensi Pemikiran Shah Wali Allah al-Dihlawi dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

<sup>39</sup> S. Othman Kelantan (2004), *Wajah Seorang Wanita Edisi Khas Sasterawan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 451.

<sup>40</sup> *Ibid.* h. 452.

setiap karya beliau. Antara karya yang telah dihasilkan ialah *Angin Timur Laut, Juara, Wajah Seorang Kelantan, Nagoho Istana*, dan *Orang Kota Bharu*.<sup>41</sup>

Beliau telah meninggal dunia di Hospital Serdang akibat sakit jantung pada pukul 12.30 tengah malam pada 31 Julai 2008. Jenazahnya dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Sungai Pangkas, Bangi, Selangor.<sup>42</sup>

Menurut Tengku Rabiatul Adawiyah, S Othman Kelantan merupakan seorang pelajar yang cerdik dan mudah memahami pengajaran Nik Muhammad Salleh Wan Musa.<sup>43</sup> Beliau juga merupakan antara salah seorang pelajar yang bertungkus-lumus menyalin, mengedar dan mengeluarkan *Kuliah Pengajian al-Qur'an*. Selain itu beliau juga kerap menjadi jurutulis bagi Nik Muhammad Salleh Wan Musa bagi karyanya yang lain.<sup>44</sup> Antara artikel yang ditulis oleh beliau untuk Nik Muhammad Salleh Wan Musa ialah *Theological Debates: Wan Musa b Haji Samad and His Family*, dan *Adakah Ada Perhambaan Dalam Islam*.

## 2.5 Penyusunan *Kuliah Pengajian Al-Qur'an*

*Kuliah Pengajian al-Qur'an* dimulakan pada 3 April 1970 dan berakhir pada 22 Oktober 1971. Nik Muhammad Salleh Wan Musa telah menyusun kuliah ini dengan metodologinya sendiri. Setiap risalah adalah mewakili satu minggu, terdapat satu tajuk yang dibincangkan dalam satu minggu, tetapi terdapat juga satu tajuk yang dibincangkan dalam beberapa

---

<sup>41</sup> *Ibid.*, h. 451.

<sup>42</sup> Utusan Online,

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0731&pub=utusan\\_malaysia&sec=Terkini&pg=bt\\_01.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0731&pub=utusan_malaysia&sec=Terkini&pg=bt_01.htm&arc=hive) , 2 Oktober 2008.

<sup>43</sup> Tengku Rabiatul Adawiyah Tengku Zainal Abidin, *op.cit*.

<sup>44</sup> Nik Hassan Nik Abdullah, *op.cit*.

minggu. Jika ia bersambung ke minggu seterusnya, beliau memberi isyarat dengan menulis bersambung di bahagian bawah muka surat halaman terakhir sesuatu risalah itu. Jika ia bersambung dari minggu sebelumnya, beliau akan menulis di bahagian atas halaman pertama risalah tersebut dengan “*sambungan dari bilangan yang sebelumnya*”.

Setiap risalah mempunyai halaman muka hadapan yang bertindak sebagai kulit risalah tersebut dan pemisah antara satu risalah dengan risalah yang lain atau satu minggu dengan minggu yang lain. Pada halaman pemisah risalah, akan dicatatkan nombor bilangan dan tarikh risalah tersebut. Selain itu, perkara yang memang tidak berubah di halaman muka hadapan tersebut seperti nama kursus, alamat rumah, dan nama pengarang turut dicatatkan.

## **2.6 Isi Kandungan *Kuliah Pengajian Al-Qur'an***

*Kuliah Pengajian Al-Qur'an* boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu masalah-masalah penting berhubung dengan al-Qur'an dan kaedah-kaedah memahami al-Qur'an.

Bahagian satu yang membincangkan masalah-masalah penting berhubung dengan al-Qur'an adalah bermula daripada bilangan satu hingga bilangan 36. Nik Muhammad Salleh Wan Musa menulis seperti berikut dalam risalah 36 bagi menjelaskan perbincangan untuk bilangan satu hingga 36 ini:

Setakat inilah sahaja beberapa masalah penting yang berhubung dengan al-Qur'an, telah saya terangkan di dalam muqaddimah *Kursus Tilawah al-Qur'an* ini maka diharapkan kepada tiap-tiap saudara-saudara dan saudari-saudari yang gemar hendak memahami erti al-Qur'an dan falsafahnya, untuk dijadikan panduan dan tunjukkan di dalam usaha mencari kebenaran, baikpun di dalam urusan secara berfikir, atau cara mentadbir, hendaklah dibaca dari mula hingga ke akhirnya beberapa kali, dan tatapkanlah tujuan-

tujuan dan maksud-maksud yang terkandung dan terselit di dalam huraian-huraian dan ibadat-ibadat yang telah saya terangkan itu mudah-mudahan Allah mencerahkan mata hati saudara dan saudari, untuk mengenal kitabNya yang Maha Suci lagi Maha Tinggi *mawdū'*nya itu, dan sekarang marilah kita masuk mempelajari makna-makna dan falsafah-falsafah yang terkandung di dalam tiap-tiap ayat al-Qur'an, di dalam tiap-tiap tutur kata ibarat yang diturunkan oleh Tuhan kepada NabiNya Sayyidina Muhammad SAW bagaimana yang tersebut di dalam ayat-ayat itu mudah-mudahan kita dapat melayakkan diri menjadi golongan muttaqin yang diredhai oleh Allah serta para nabi-nabi, *siddiqīn*, *shuhadā*, dan *salīḥīn* sekalian.

Tamat muqaddimah tilawah al-Qur'an.  
Saya akan mulai masuk ke dalam tafsir daripada surah al-Fatiyah.<sup>45</sup>

Bahagian kedua pula bermula dari bilangan 37 hingga bilangan 47. Antara topik yang dibincangkan di bahagian dua ialah erti ayat *muhkamāt* dan ayat *mutashābiḥāt*, masalah *nasakh mansūkh* di dalam al-Qur'an, dan bagaimanakah al-Qur'an mesti ditafsirkan mengikut maksud-maksud yang sebenar. Kaedah-kaedah yang dibincangkan inilah yang dijadikan panduan oleh Nik Muhammad Salleh Wan Musa dalam mentafsirkan ayat suci al-Qur'an seperti yang telah dinyatakan oleh beliau:

Sekianlah dahulu saya menerangkan beberapa perkara yang perlu di dalam muqaddimah kursus ini yang diharapkan pada mereka mereka yang dapat memahami kaedah-kaedah yang telah saya bentangkan di dalam muqaddimah ini mereka tidak akan terasa musykil lagi jika didapati kelak di dalam huraian-huraian saya di bawah ayat sesuatu yang dipandang berlainan dengan jumhur kerana tiap-tiap tafsir, terjemah, ta'wil dan tawjih yang akan saya gunakan itu dan saya akan berpandu kepada kaedah-kaedah yang telah saya huraikan di dalam muqaddimah ini.

*Wa Allāh yaqūl al-ḥaqq. Wa Huwa yahdī al-sabīl.*<sup>46</sup>

Jadual berikut merupakan ringkasan bagi isi kandungan perbincangan *Kuliah Pengajian al-Qur'an* mengikut nombor risalah, tarikh dan tajuk:

<sup>45</sup> Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *Kuliah Pengajian al-Qur'an, edisi rumi*, bil. 36. t.t.p: t.p, h. 168.

<sup>46</sup> Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *Kuliah Pengajian al-Qur'an, edisi jawi*, bil. 47. t.t.p:t.p, h. 183.

Jadual 2.2: Isi kandungan *Kuliah Pengajian al-Qur'an*

Bil	Tarikh	Tajuk / Perbincangan
1	3 April 1970	Kursus Tilawah al-Qur'an al-Hakim atau mengikut rahsia pengajaran al-Qur'an
2	10 April 1970	Hidup manusia berkehendak kepada ajaran nabi-nabi yang diutus dari tuhan
3	Tiada tarikh	-Sambungan dari bilangan 2
4	1 Mei 1970	-Sambungan dari bilangan 3
5	8 Mei 1970	-Sambungan dari bilangan 4  Pemikiran umat Islam telah dipesong oleh teori Ibn Khaldun dari ajaran al-Qur'an
6	15 Mei 1970	-Sambungan dari bilangan 5
7	22 Mei 1970	-Sambungan dari bilangan 6
8	29 Mei 1970	-Sambungan dari bilangan 7  Tujuan dibangkit Nabi Muhammad SAW dan asas pengajaran al-Qur'an
9	5 Jun 1970	-Sambungan dari bilangan 8  Bagaimakah persaudaraan Islam dibentuk oleh al-Qur'an
10	12 Jun 1970	-Sambungan dari bilangan 9
11	19 Jun 1970	-Sambungan dari bilangan 10  Sebenarkah sebaran agama Islam tidak mengandungi kekerasan

Jadual 2.2, sambungan

12	26 Jun 1970	-Sambungan dari bilangan 11  (1) Bahagian Hidayah(petunjuk)
13	3 Julai 1970	-Sambungan dari bilangan 12  (2) <i>Dīn al-Haqq</i> : Ertinya keadilan yang tulen
14	10 Julai 1970	-Sambungan dari bilangan 13
15	17 Julai 1970	-Sambungan dari bilangan 14  Al-Qur'an mengutamakan semangat taat setia yang tulen untuk manusia mencapai matlamat hidup
16	24 Julai 1970	-Sambungan dari bilangan 15
17	31 Julai 1970	-Sambungan dari bilangan 16
18	7 Ogos 1970	-Sambungan dari bilangan 17  Jenis pengetahuan yang dikurniakan kepada nabi-nabi dan kewajipan <i>nubuwwah</i>
19	14 Ogos 1970	-Sambungan dari bilangan 18
20	21 Ogos 1970	-Sambungan dari bilangan 19  Nabi-nabi ahli politik yang ditugas memimpin manusia kepada kebahagiaan
21	28 Ogos 1970	Intisari kandungan al-Qur'an
22	11 Ogos 1970	Kesilapan ulama-ulama tafsir
23	25 September 1970	-Sambungan dari bilangan 22  Bagaimakah al-Qur'an mempertahankan kebenaran di kalangan golongan-golongan yang menentang

Jadual 2.2, sambungan

24	2 Oktober 1970	-Sambungan dari bilangan 23
25	16 Oktober 1970	-Sambungan dari bilangan 24
26	23 Oktober 1970	-Sambungan dari bilangan 25
27	30 Oktober 1970	-Sambungan dari bilangan 26
28	6 November 1970	-Sambungan dari bilangan 27
29	13 November 1970	-Sambungan dari bilangan 28
30	20 November 1970	-Sambungan dari bilangan 29
31	27 November 1970	-Sambungan dari bilangan 30
32	11 Disember 1970	-Sambungan dari bilangan 31  Al-Qur'an telah diturun mengikut ukuran fahaman yang semulajadi pada tiap-tiap seorang manusia sebelum mereka belajar
33	18 Disember 1970	-Sambungan dari bilangan 32  Kisah-kisah yang tersebut di dalam al-Qur'an secara berulang-ulang
34	1 Januari 1971	-Sambungan dari bilangan 33  Al-Qur'an dan nasionalisme atau Islam dan kebangsaan
35	2 Februari 1971	-Sambungan dari bilangan 34
36	25 Februari 1971	-Sambungan dari bilangan 35  <i>Tamat muqaddimah tilawah al-Qur'an</i>

Jadual 2.2, sambungan

37	5 Mac 1971	<p>-Sambungan dari bilangan 36</p> <p>Beberapa perkara penting mesti difaham oleh tiap-tiap orang yang mempelajari al-Qur'an sebelum mereka membaca ayat-ayat</p> <p>(1) al-Qur'an diturun untuk membina kemajuan di dunia</p>
38	19 Mac 1971	<p>-Sambungan dari bilangan 37</p> <p>(2) Erti ayat <i>muhkamāt</i> dan ayat <i>mutashābiḥāt</i></p>
39	2 April 1971	-Sambungan dari bilangan 38
40	16 April 1971	-Sambungan dari bilangan 39
41	23 April 1971	<p>-Sambungan dari bilangan 40</p> <p>Masalah <i>nasakh mansūkh</i> di dalam al-Qur'an</p>
42	14 Mei 1971	-Sambungan dari bilangan 41
43	11 Jun 1971	-Sambungan dari bilangan 42
44	19 Jun 1971	-Sambungan dari 43
45	23 Julai 1971	<p>-Sambungan dari 44</p> <p>Bagaimanakah al-Qur'an mesti ditafsirkan mengikut maksud-maksud yang sebenar</p>
46	6 Ogos 1971	-Sambungan dari bilangan 45
47	22 Oktober 1971	<p>-Sambungan dari bilangan 46</p> <p>Bagaimanakah al-Qur'an mesti ditafsirkan?</p>

## **2.7 Keistimewaan *Kuliah Pengajian al-Qur'an***

Bagi penulis, karya ini memiliki keistimewaan yang tersendiri. Sekalipun ia agak terpinggir berbanding kitab-kitab lain, karya ini mempunyai nilai yang tinggi. Keistimewaan kitab ini terletak pada kemahiran pengarang dalam menggabung jalin ilmu-ilmu yang dipelajari bagi mempersempahkan suatu topik-topik penting yang terdapat di dalam al-Qur'an dan juga kaedah memahami al-Qur'an. Keberanian beliau melawan arus dalam memberikan pendapat yang berbeza disertai analisis yang mendalam menjadikan kitab ini sebagai suatu kitab yang perlu dibaca oleh mereka yang mahukan perbincangan yang berbeza dalam sesuatu isu.

Cita-cita untuk menyebarkan ilmu-ilmu yang dituntut selama pengajiannya menyebabkan terhasilah karya ini. Beliau memudahkan lagi para pembaca apabila merujuk kitab-kitab utama Shāh Wali Allah al-Dihlawī dan menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu. Tiga rujukan utama tersebut ialah *Hujjah Allah al-Bālighah*, *al-Fawz al-Kabīr fi Uṣūl al-Tafsīr*, dan *Tafhimāt Ilāhiyyah*. Beliau juga turut merujuk kepada pelbagai kitab muktabar lain lagi untuk memantapkan perbincangan mengenai sesuatu topik.

## **2.8 Kesimpulan**

Nik Muhammad Salleh Wan Musa telah menjalankan *Kuliah Pengajian al-Qur'an* bagi melaksanakan cita-citanya untuk mengajar ilmu-ilmu Islam hasil pembelajarannya di Mekah dan India. Usahanya ini telah disambut baik oleh orang ramai sehingga naskhahnya habis terjual dan tersebar ke merata tempat di Malaysia, serta luar negara. Dalam *Kuliah Pengajian al-Qur'an* ini, beliau membincangkan beberapa perkara penting

yang terdapat di dalam al-Qur'an, dan juga kaedah-kaedah yang digunakan olehnya untuk mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an. Ini menjadikan *Kuliah Pengajian al-Qur'an* penuh dengan kandungan yang bermanfaat.